

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pernyataan Masalah

Dalam pembentukan kata bahasa Arab, aspek fonologi memainkan peranan yang penting dan mempunyai signifikannya yang tersendiri. Penghasilan sesuatu perkataan dalam bahasa Arab melibatkan beberapa elemen utama iaitu derivasi (الاشتقاق), pengimbuhan (الإلصاق), perubahan huruf ‘illat (الإعلال), penggantian (الإبدال), penyerapan (الإدغام) dan sebagainya.

Penulis melihat perbincangan mengenai i‘la:l dan ibda:l yang merupakan topik perbincangan dalam kajian morfologi (علم الصرف) perlu diketengahkan. Ia mesti dititikberatkan ketika mempelajari tentang penukaran, pengguguran, pemindahan baris huruf-huruf ‘illat dan penggantian sesuatu huruf. Selain daripada itu, topik ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan proses fonologi yang berlaku dalam pembentukan kata bahasa Arab.

Persoalannya di sini, ramai pengguna bahasa Arab, khasnya pelajar keliru dan sukar memahami konsep perubahan i‘la:l dan ibda:l yang berlaku. Tanpa pengetahuan yang mendalam tentang topik ini pelajar gagal mengenalpasti proses perubahan yang berlaku dan menyukarkan mereka menguasai bahasa Arab. Bahkan mereka akan hilang minat untuk mempelajari bahasa Arab. Masalah ini kerap timbul apabila mereka ingin mencari maksud

sesuatu perkataan bahasa Arab di dalam kamus kerana kebanyakan kamus memerlukan pengguna mengetahui kata dasar sesuatu perkataan.

Jadi, penulis mengambil inisiatif untuk mengkaji bagaimana kedua-dua proses ini berlaku dan seterusnya mengetahui konsep yang digunakan. Di samping itu, penulis juga ingin mencungkil rahsia di sebalik apa yang berlaku dan kaitannya dengan bidang fonologi bahasa Arab.

Justeru itu, pemahaman mengenai topik ini amat penting agar penguasaan bahasa Arab dapat dipertingkatkan.

## **1.1 Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mencapai tujuan dan objektif berikut :

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya i'la:l dan ibda:l.
2. Menilai sejauh mana i'la:l dan ibda:l mempengaruhi proses pembentukan kata.
3. Merumuskan konsep penggunaan i'la:l dan ibda:l yang betul dan tepat.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan yang ingin diperolehi menerusi kajian ini ialah :

1. Mengenal proses i'la:l dan ibda:l serta mengetahui kaedah yang telah digunakan dalam proses ini ketika pembentukan kata bahasa Arab.
2. Membantu pengguna bahasa Arab khususnya pelajar dalam memahami konsep yang digunakan dalam proses i'la:l dan ibda:l.
3. Mengetahui rahsia perubahan morfologi dan kepentingannya.

## **1.3 Batasan Kajian**

Kajian ini membincangkan masalah i'la:l dan ibda:l serta kaitannya dengan bidang fonologi dan morfologi Arab. Fokus kajian adalah berdasarkan proses i'la:l yang melibatkan penukaran, pengguguran, pemindahan baris huruf-huruf 'illaṭ dan syarat-syaratnya. Manakala proses ibda:l melibatkan penggantian huruf-huruf ṣaḥi:h kerana penggantian huruf-huruf 'illaṭ telah dijelaskan dalam i'la:l. Dalam kajian ini penulis mempelbagaikan contoh-contoh daripada kata kerja dan kata nama.

## **1.4 Bidang Kajian**

Kajian fonologi tidak terbatas kepada hubungan antara bentuk fonetik dan perbezaan makna. Hubungan antara unsur fonologi dengan unsur nahuan

juga diperhatikan dalam kajian ini. Oleh itu bidang kajian ini mencakupi perubahan fonetik, fonologi, morfologi dan semantik.

## 1.5 Metodologi Kajian

Bersesuaian dengan tajuk yang dipilih, penulis menjalankan penyelidikan perpustakaan dan menggunakan kaedah rujukan bagi mengumpul dan memperolehi data-data.

Data kajian adalah hasil pembacaan buku-buku yang dikarang oleh ahli morfologi bahasa Arab. Antaranya ialah *Ja:mi' al-Duru:s al-'Arabiyyat* karangan Muṣṭafa: al-Ghala:yi:niyy, *Shadha al-'Arf fi: Fann al-Ṣarf* karangan Aḥmad al-Ḥamlawiyy, *Sharḥ al-Taṣri:f* karangan 'Umar Ibn Tha:bit al-Thama:ni:niyy dan banyak lagi buku-buku morfologi yang menjadi rujukan penulis. Selain daripada itu rujukan terhadap buku-buku linguistik juga diutamakan iaitu *Sirr Ṣina:'at al-I'ra:b* karangan Ibn Jinni: Abu: al-Faṭḥ 'Uthma:n, *al-Lughat al-'Arabiyyat Khaṣa:'iṣuha: wa Sima:tuha:* karangan 'Abd al-Ghaffa:r Ḥa:mid Hila:l dan lain-lain lagi.

Setelah data terkumpul penulis membaca dan mengamati data-data tersebut dan seterusnya membuat analisis. Data-data yang terkumpul ialah dalam bentuk deskriptif dan kualitatif.

Selain daripada itu, penulis juga merujuk kepada pakar-pakar dalam bidang bahasa Arab bagi menjamin data yang terkumpul itu tepat dan

bersesuaian dengan apa yang hendak dikaji. Pakar bahasa yang dirujuk ialah Doktor ‘A:dil Jum‘at dan Doktor ‘Aliyy ‘Abd Raḥman al-Faḥ yang merupakan pensyarah Kulliyyah Bahasa Arab di Kolej Universiti Insaniah, Kedah Darul Aman.

Penulis dapati kaedah penerangan menggunakan jadual amat mudah difahami oleh pembaca. Jadi penulis telah menggunakan kaedah ini pada setiap ulasan bagi contoh-contoh yang diberi. Bagi mentafsir contoh yang diambil daripada al-Quran al-Karim penulis menggunakan Tafsir Pimpinan al-Rahman.

## **1.6 Tinjauan Kajian Berkaitan**

Hasil daripada tinjauan terhadap beberapa penyelidikan yang telah dibuat terdapat sebilangan besar ahli linguistik Arab telah mengkaji i‘la:l dan ibda:l dalam menghasilkan penulisan yang menarik di dalam kitab-kitab Arab. Namun perbincangan mengenai tajuk ini dalam bahasa Melayu masih kurang dan perlu diberi perhatian memandangkan keperluannya pada masa kini.

Kajian ini banyak disentuh dalam bidang morfologi oleh pengkaji-pengkaji bahasa Arab. Antara pengkaji yang membahaskan tajuk ini dalam penulisan mereka ialah ‘Abba:s Ḥasan yang mengarang kitab al-Naḥw al-Wa:fi:, Muḥammad ‘Abd al-‘Azi:z al-Najja:r menerusi kitab al-Tawḍiḥ wa al-Takmi:l li al-Sharḥ Ibn ‘Aqi:l, karangan Ibn ‘Uṣfu:r al-Ishbi:liyy dalam kitab al-Mumti‘ fi: al-Taṣri:f, Ibn Hisha:m dalam karangannya yang bertajuk Awḍaḥ al-Masa:lik.

Manakala ahli linguistik juga membincangkan keadaan ini di dalam penulisan mereka. Antaranya ialah Daud ‘Abduh dalam karangannya *Dirasat fi: ‘Ilm Aṣwa:t al-‘Ara:biyyat*, ‘Abd al-Fatta:h al-Birka:wiyy dalam penulisan *Muqaddimat fi: Aṣwa:t al-Lughaṭ al-‘Arabiyyat* dan lain-lain lagi.

Mereka menyatakan pengertian dan pembahagian mengenai i‘la:l dan ibda:l serta menyentuh sebab berlakunya i‘la:l dan ibda:l iaitu ada kaitan yang rapat dengan fonologi. Perbezaan antara keduanya juga dinyatakan. Di samping itu juga, mereka menguatkan hujah yang dijelaskan dengan contoh-contoh bagi memudahkan pembaca memahaminya.

‘Abd al-‘Ali:m telah membincangkan tajuk ini dengan lebih terperinci menerusi perbahasannya iaitu *Taysi:r al-I‘la:l wa al-Ibda:l*. Beliau telah menerangkan definisi i‘la:l dan ibda:l dan perbezaan antara keduanya. Kemudian beliau menjelaskan pembahagian i‘la:l dan ibda:l dengan gambarajah serta jadual bagi menerangkan contoh-contoh yang di utarakan dengan menjelaskan sebab berlakunya proses ini. Manakala di akhir penulisan, beliau telah menerangkan proses ini mengikut urutan iaitu bermula dengan kata kerja dan seterusnya kata nama. Setiap proses disertakan contoh, kata asal, jenis perubahan dan penerangan mengenai perubahan yang berlaku serta sebabnya.

Di dalam konteks Malaysia masih terlalu sedikit kajian yang dijalankan bagi mengetahui kaedah pembentukan kata bahasa Arab menerusi proses i‘la:l

dan ibda:l secara khususnya. Antaranya ialah kajian Azmin Daud (1997) yang telah membincangkan i'la:l dalam disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang bertajuk “Vokal Dalam Bahasa Arab Standard : Satu Pemerian Fonologi”. Beliau menjelaskan i'la:l ialah satu perubahan yang berlaku pada huruf ‘illat melalui cara penukaran (القلب), pemindahan (النقل) atau pengguguran (الحذف). Pembahagian mengenainya juga diperjelaskan dengan lengkap.

Perbincangan mengenai i'la:l oleh Mohd Zaki Abdul Latiff (2003) hanya mencakupi kata kerja mu'ta:l dalam disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang bertajuk “Derivasi Kata Kerja Mu'ta:l Dalam Bahasa Arab”. Dapatan kajian yang beliau perolehi ialah perubahan-perubahan yang berlaku kepada huruf ‘illat adalah disebabkan oleh kedudukan huruf ‘illat dalam sesuatu perkataan, baris huruf sebelumnya, polanya dalam kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini, keaslian huruf ‘illat sebelum dimasukkan ke dalam sesuatu perkataan dan hubungannya dengan ganti nama ataupun partikel penegas. Beliau dapati perubahan yang berlaku pada huruf ‘illat ini adalah disebabkan oleh faktor fonetik dan fonologi bagi tujuan keserasian huruf dan sebutan dalam memudahkan pengungkapan sesuatu perkataan.

## **1.7 Rangka Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab seperti di bawah :

Bab I : Pengenalan

Bab II : I'la:l dan Ibda:l Dalam Bahasa Arab

- Bab III : Pembinaan Kata Menerusi Proses I‘la:l
- Bab IV : Pembinaan Kata Menerusi Proses Ibda:l
- Bab V : Kesimpulan dan Cadangan

Bab yang pertama merupakan pendahuluan kepada penulisan ini. Dalam bab ini penulis membicarakan pernyataan masalah yang hendak dikaji, objektif serta kepentingan yang hendak dicapai dan batasan atau skop yang hendak difokuskan. Selain daripada itu, penulis juga menyatakan metodologi penyelidikan yang menjadi landasan utama dan seterusnya tinjauan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Akhir sekali penulis membuat rangka kajian di mana pembahagian bab diperjelaskan secara ringkas.

Menerusi bab yang kedua penulis memuatkan pendapat-pendapat ahli linguistik silam dan ahli linguistik moden mengenai definisi fonetik, fonologi, morfologi, morfonologi, i‘la:l dan ibdal. Selain itu penulis membincangkan makhraj huruf dalam bahasa Arab serta sifat-sifatnya yang merangkumi sifat huruf yang berlawanan dan yang tidak berlawanan.

Bab ketiga ini penulis memperjelaskan secara mendalam bagaimana pembinaan kata bahasa Arab menerusi proses i‘la:l terhasil. Penulis memfokuskan kepada penukaran, pengguguran, pemindahan baris huruf ‘illat dan syarat-syarat yang perlu diketahui. Bagi memantapkan lagi hujah yang diberi penulis mengemukakan kaedah serta contoh-contoh dengan lebih terperinci.



Dalam bab yang keempat penulis membahaskan bagaimana terbentuk pembinaan kata bahasa Arab menerusi proses ibda:l. Dalam proses ini, penggantian huruf-huruf ṣāḥiḥ merupakan topik utama yang dikaji. Ulasan dan contoh-contoh diperjelaskan bagi menguatkan hujah yang diberi.

Seterusnya dalam bab yang kelima penulis menjelaskan kesimpulan hasil penelitian berdasarkan aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam penulisan ini terutamanya dalam bab kedua dan ketiga. Tujuannya supaya objektif yang hendak dicapai terlaksana. Manakala dalam bahagian cadangan penulis menyarankan beberapa saranan bagi penambahbaikkkan kajian ini dan kajian-kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji lain.